

### Melaksanakan Hukum Allah

Allah *'azza wa jalla* telah memberikan kemakmuran hidup kepada manusia, iaitu segala yang diperlukannya telah tersedia menjadi bekalan hidupnya. Diberikannya pula kekuasaan, iaitu segala makhluk yang ada di dunia ini dapat dikuasainya, sekalipun gunung yang besar tinggi, lautan yang terbentang luas, pohon yang lebat rendah, api yang membakar, angin yang membongkar, binatang yang buas, logam yang terpendam, dan segala kekayaan yang tersimpan dalam lautan dan lainnya. Semua itu, kalau manusia mahu berusaha dengan bersungguh-sungguh, nescaya dapat dikuasainya.

(Oleh: *Al-Ustādh* Muhammad 'Ali al-Hamīdī)

Sesudah diberikan kemakmuran dan kekuasaan yang begitu luas, lalu Allah *'azza wa jalla* turunkan<sup>1</sup> pertunjuk-Nya dengan perantaraan rasul-rasul-Nya, iaitu pertunjuk-pertunjuk yang berisi hukum-hukum hidup yang menjamin keselamatan, ketenteraman hidupnya. Kemudian dilarangnya mencari dan memakai (menggunakan) hukum-hukum yang lain. Dengan ini nyatalah, bahawa hukum-hukum itu kepunyaan Allah *'azza wa jalla*, yakni Allah sahajalah yang patut dan berhak mengadakan hukum dalam alam ini, kerana Ia yang menjadikan dan memilikinya.

Jadi manusia hanya diberatkan (diwajibkan) mencari hukum-hukum yang telah diturunkan-Nya, dan menjalankannya dengan adil dan jujur.

Salah satu daripada keterangannya tentang ini ialah firman Allah Ta'ālā :

*Ittabi 'ū mā unzila ilaykum min rabbikum wa lā tattabi 'ū min dūnihī awliyā 'a qalīlan mā tadhakkārūn.* – (3, al-A'rāf).

“Turutlah apa yang diturunkan kepada kamu dari Tuhan kamu, dan janganlah kamu turut kepada ketua-ketua selain dari Allah, tetapi sedikit sekali kamu mengambil ingatan.”

Firman-Nya lagi: *Ittabi ' mā ūhīya ilayka min rabbika*

*lā ilāha illā huwa wa a 'riḍ 'an al-mushrikīn.* – (106, al-An'ām).

“Ikutlah apa yang telah diwahyukan kepadamu dari Tuhanmu, tidak ada Tuhan melainkan Dia, dan berpalinglah dari orang-orang musyrik.”

Amat besar bahayanya kalau manusia menyimpang dan menyia-nyiakan hukum itu. Maka kerosakan dan bencana di daratan dan di lautan, dan kekecewaan hidup di kalangan manusia, adalah kerana dosa yang mereka telah perbuat, kerana menyimpang dan menyia-nyiakan hukum Allah itu. Tentang ini Allah Ta'ālā berfirman:

*Zahara al-fasādu fī al-barri wa al-baḥri bi mā kasabat aydī al-nāsi li yudhīqahum ba 'da alladhī 'amilū la 'allahum yarji 'ūn.* – (41, al-Rūm).

“Telah tersiar bencana kerosakan di daratan dan di lautan, kerana perbuatan tangan manusia, supaya mereka merasai sebahagian dari perbuatan mereka, mudah-mudahan mereka kembali kepada Allah (yakni kepada hukum-Nya dan meninggalkan larangan-Nya itu)”.

Yang tersebut itu ialah bencana kerosakan di dunia. Sedang azab seksaan di akhirat tentulah lebih dahsyat dan

<sup>1</sup> Kesalahan teks asal. Ejaan asal merujuk kepada 'turunkan'.

lebih pedih lagi. Pada hari akhirat kelak, tidak ada lagi kesempatan dan tempoh untuk memperbaiki kesalahan. Di sana hanya menerima balasan sahaja, baik atau jahat. Perhatikanlah firman Allah *subhānahu wa ta'ālā*:

*Wa qad ātaynāka min ladunnā dhikrā. Man a'raḍa 'anhu fa innahū yaḥmilu yawma al-qiyāmati wizrā. Khālidīna fīhi wa sā'a lahum yawma al-qiyāmati ḥimlā.* – (99-101, Ṭāhā).

“Sesungguhnya Kami telah datangkan kepadamu dari sisi Kami peringatan (al-Qur'ān). Barangsiapa berpaling daripadanya, maka sesungguhnya ia memikul dosa pada Hari Kiamat. Mereka kekal di dalamnya, dan amat jahat dosa yang mereka pikul pada Hari Kiamat itu.”

Melihat keterangan dari ayat-ayat al-Qur'ān yang tersebut di atas, nyatalah, bahawa kewajipan kita yang terutama sekarang ini, ialah bekerja sungguh-sungguh supaya terlaksananya hukum-hukum Allah itu, supaya dapat dikerjakan oleh orang seorang dan masyarakat kita.

Langkah untuk menuju ke sana telah tersedia di hadapan kita, iaitu dengan berdirinya beberapa kumpulan dan pertubuhan-pertubuhan Islam, serta pemimpin-pemimpin Islam yang berjuang terus-menerus sehingga hukum Allah berkuasa di tanah air.

(Mudah-mudahan perjuangan umat Islam akan mendapat *'ināyah* Allah dan mendapat kejayaan yang cemerlang).

**Bacalah Riwayat Hidup:**

# Abū Bakr al-Ṣiddīq

**Khalifah yang pertama di dalam Islam**

Apabila tersebut sahabat-sahabat Nabī maka tersebutlah di barisan hadapan sekali nama Saiyidinā Abū Bakr al-Ṣiddīq *raḍīya Allāhu 'anhu*, sahabat dan khalifah Rasulullah yang ulung yang telah mengorbankan harta dan tenaganya kerana Islam dan umat Islam.

Riwayat hidupnya menambahkan ghairah dan keinsafan, dan menggalakkan tiap-tiap seorang yang berjiwa Islam berpegang teguh kepada agamanya dan berjuang meninggikan syiarnya, selagi hayat dikandung badan!

Disusun oleh Abdullah Basmeh dalam dua penggal. Cetakannya yang pertama telah habis dan sekarang penggal pertama telah dicetak semula dan sedang diedarkan. Harga sepenggal \$1.20 dan belanja mengirimmnya 10 sen.

**Pesanlah kepada penerbitnya:**

**Qalam, Singapura**